

CNS3938

R PB 30-11 00168 BH497

Bah

Mahathir - Pembangunan

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, polemik, atau perbahasan dikenal pasti sebagai halangan terbesar terhadap usaha memaju dan membangunkan orang Melayu.

Parti dan kerajaan mempunyai rancangan dan pendekatan untuk memajukan rakyat, dan ia dapat dicapai dengan cepat +jika kita tidak menghabiskan masa berdebat berpanjangan+, katanya semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO, di sini hari ini.

Beliau berkata, apabila kerajaan melancarkan dasar-dasar seperti Dasar Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia dan Industri Berat, musuh kerajaan melamparkan bermacam-macam tohmahan dan fitnah kerana kepentingan politik mereka kerana ingin mempamerkan kebijaksanaan mereka.

+Malangnya penyokong kerajaan, anggota parti, dan orang Melayu umumnya kerap terperangkap dengan hujah-hujah mereka dan mula mengganggu dan mengkritik dasar yang dicipta oleh parti orang Melayu sendiri,+ katanya dalam ucapan selama kira-kira satu setengah jam.

Orang Melayu perlu mempercayai diri sendiri dan sanggup menerima perubahan dalam budaya kerja supaya lebih sesuai dengan dunia yang penuh persaingan sekarang, katanya. -- lagi

♥30/11/12-51MST

CNS3942

R PB 30-11 00158 BH498

Bah

Mahathir - Pembangunan 2 Kuala Lumpur

Beliau memberi contoh bagaimana orang Melayu mencapai kejayaan dalam arena politik dengan beralih daripada menjadi bangsa feudal yang menyerahkan politik kepada kumpulan tertentu sehingga negara terjajah kepada bangsa yang mampu menggunakan sistem politik asing, demi pembangunan, keamanan dan kestabilan.

+Demikian juga dalam bidang ekonomi dan pembangunan, jika kita sanggup menerapkan nilai dan membentuk budaya kerja yang baik, kita akan berjaya,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dasar atau undang-undang semata-mata, atau menyekat orang lain sementara orang Melayu bersiap sedia, tidak akan sampai ke mana-mana. Sebaliknya orang Melayu harus sanggup menghadapi cabaran dan menerima cara-cara baru dan budaya kerja yang sesuai, tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, dalam menghadapi pembangunan era 90-an, UMNO perlu mengakui kelemahan yang menyebabkan Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai sepenuhnya.

Beliau mengingatkan para perwakilan UMNO supaya tidak melupakan nilai-nilai dan amalan rohaniah dalam keghairahan mengejar kejayaan kebendaan. -- Bernama

♥30/11/12-55MST